

Pelaksanaan bahasa Inggeris elak rakyat ketinggalan

SH 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, kerajaan terpaksa membuat keputusan drastik dengan melaksanakan segera penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, termasuk peperiksaan, mulai tahun depan kerana tidak mahu rakyat ketinggalan.

Peperiksaan itu termasuk bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mempercepatkan pelaksanaan dasar itu kerana ia tidak boleh menunggu terlalu lama berikutan dunia dan teknologi bergerak begitu cepat.

“Kita memang meletakkan sasaran untuk melaksanakannya mulai tahun depan. Kita tak ada masa. Satu barang yang dikeluar-

kan hari ini, esok sudah jadi ‘out of date’.

“Kalau kita dok fikir zaman purba yang satu-satu perubahan mengambil masa 10 ke 100 tahun, maka kita akan ketinggalan zaman. Memang ada keperluan segera (untuk mempercepatkan pelaksanaannya),” katanya.

Beliau menjawab soalan mengenai kemungkinan ramai orang Melayu belum bersedia untuk menerima pelaksanaan keputusan berkenaan secepat itu.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian selepas Majlis Taklimat Presiden yang diadakan secara tertutup sempena Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, mengumumkan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM

bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Semua peperiksaan itu, kecuali bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan diadakan dalam bahasa Inggeris serentak dengan pelaksanaan pengajarannya pada tahun depan.

Dr Mahathir tidak menafikan bahawa kerajaan akan berhadapan dengan pelbagai masalah dalam melaksanakan segera keputusan berkenaan.

“Sudah tentu pada permulaannya kita akan menghadapi banyak masalah dan akan kita lakukan beberapa kesalahan. Tetapi dalam pelaksanaan apa juga dasar atau pun pendekatan, kita harus terima bahawa akan ada masalah.

“Kalau kita tak pandai mengatasi masalah maka kita tak layak lah untuk menjadi pemerintah,” katanya.

Ditanya kemungkinan pembangkang akan menjadikan keputusan kerajaan menetapkan kuota 10 peratus untuk bukan Bumiputera memasuki kelas matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sebagai isu menjelang pilihan raya, Presiden Umno itu berkata, pembangkang akan menggunakan apa juga isu, tetapi mereka sendiri tidak melakukan apa-apa pun untuk rakyat.

“Pembangkang tak ada modal. Dia tengok apa kita nak buat, dia kata itu tak baik. Apa pun...satu pun yang kita buat, dia kata tak baik. Tapi dia tak buat apa-apa pun.

“Benda yang dia (pembangkang) nak buat, macam ketidakadilan, yang itu dia nak buatlah. Dia berlawanan dengan orang yang panggil diri dia Keadilan tapi dia tidak adil. Orang yang jadi mangsa nak dihidu-kum,” katanya.